



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**
Bagi Minggu 27/2011 (3 Julai hingga 9 Julai 2011)

Pada minggu ke-27 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 3 Julai hingga 9 Julai, sejumlah 448 kes Demam Denggi dengan 1 kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 34 kes atau 8% berbanding dengan 414 kes dengan 3 kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 5 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Negeri Sembilan yang meningkat sebanyak 17 kes (141%), Kedah 4 kes (66%), Johor 10 kes (58%), Pulau Pinang 9 kes (29%), dan Selangor meningkat sebanyak 35 kes (21%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 9 Julai, sebanyak 10,887 kes dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 57% atau 14,414 kes berbanding dengan 25,301 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 19 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 77% berbanding 62 kematian pada tahun 2010. Pada minggu lepas satu kematian Denggi telah dilaporkan daripada Klang, Selangor melibatkan seorang warga asing yang mengalami demam, keletihan dan muntah-muntah selama 4 hari, meninggal dunia sehari selepas dimasukkan ke hospital akibat komplikasi Denggi iaitu *Dengue Shock Syndrom*.

Walau pun terdapat penurunan kes pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya, namun dari pemantauan Kementerian Kesihatan menunjukkan terdapat tren peningkatan kes Denggi sejak 3 minggu lepas bagi Malaysia dan di beberapa buah negeri seperti Terengganu, Perak, Kedah, Perlis, Pahang, Kelantan, WP Kuala Lumpur-Putrajaya dan Sabah. Analisa Kementerian Kesihatan bagi 5 tahun sebelumnya menunjukkan bulan Jun hingga September merupakan bulan-bulan dimana kes Denggi yang dilaporkan adalah tinggi.

Jumlah lokaliti wabak Denggi juga menunjukkan peningkatan iaitu 105 lokaliti wabak terdiri dari 22 daerah telah dilaporkan minggu lepas berbanding 102 lokaliti dengan 17 daerah mengalami wabak pada minggu sebelumnya. Lapan daripadanya merupakan lokaliti *hot spots* iaitu 6 *hot spots* adalah di Selangor, manakala masing-masing satu *hot spots* di WP Kuala Lumpur dan di Johor Bahru (Lampiran C). Walau pun wabak Denggi sudah berlarutan melebihi sebulan tetapi kawasan *hot spots* ini masih kotor dengan tempat-tempat pembiasaan nyamuk dan didapati 4 (50%) daripada 8 lokaliti *hot spots* masih mempunyai kadar pembiasaan Aedes yang tinggi (Lampiran D) dan hanya 4 lokaliti *hot spots* yang ada menjalankan aktiviti gotong-royong.

Berikutan tren peningkatan kes dan lokaliti wabak Denggi pada masa ini, Kementerian Kesihatan menyeru agar semua lapisan masyarakat, Ketua Jawatankuasa Penduduk, agensi bukan kerajaan dan kerajaan serta semua pihak, untuk mempertingkatkan aktiviti menghapuskan tempat-tempat pembiasaan dan memastikan kebersihan persekitaran di tempat masing-masing. Aktiviti gotong-royong perlu dilaksanakan di kawasan yang kotor dengan tempat-tempat pembiasaan nyamuk dan bermasalah Denggi. Bagi kawasan atau takungan air yang banyak dan tidak mudah untuk ditukar, bahan pembunuhan jentik-jentik mesti digunakan bagi menghalang kewujudan nyamuk Aedes dewasa.

Penglibatan masyarakat dan semua pihak dalam mencegah Denggi sangat diperlukan.

Bagi individu yang mengalami demam atau tanda-tanda penyakit Demam Denggi hendaklah mendapatkan rawatan segera di klinik berhampiran. Kehilangan nyawa akibat Demam Denggi boleh dicegah sekiranya tanda-tanda amaran awal Demam Denggi seperti muntah berpanjangan, sakit di bahagian abdomen (perut), tanda pendarahan dan demam tidak sembuh setelah mendapat beberapa kali rawatan, dikenal pasti. Saya meminta para Pegawai Perubatan yang merawat pesakit Denggi, samada di klinik swasta atau kerajaan hendaklah peka dengan situasi Denggi dikawasan mereka dan memeriksa pesakit dengan rapi serta merujuk pesakit ke hospital jika diperlukan.

Kementerian Kesihatan juga memerlukan bantuan dan sokongan berterusan dari pengamal media bagi menyebarkan maklumat mengenai bahaya Demam Denggi kepada masyarakat. Sebagai menghargai sumbangan pengamal media, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan Majlis Anugerah Media Kesihatan pada 1 Julai 2011, yang dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 3 Julai hingga 9 Julai 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 17 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 716 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

13 Julai 2011

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 27/2011
(3 Julai hingga 9 Julai 2011)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 27/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 27/2010
		Minggu 27 (3 Julai – 9 Julai 2011)	Minggu 26 (26 Jun – 2 Julai 2011)		
1	Perlis	1	3	41	78
2	Kedah	10	6	260	423 (3)
3	P. Pinang	40	31 (1)	1,023 (2)	637 (2)
4	Perak	28	39	701 (2)	1,125 (4)
5	Selangor	202 (1)	167 (1)	4,147 (5)	11,045 (34)
6	WPKL & Putrajaya	47	48	983 (1)	2,687 (4)
7	N. Sembilan	29	12	419	1,202 (6)
8	Melaka	7	9	236	349 (5)
9	Johor	27	17 (1)	957 (5)	1,947 (7)
10	Pahang	14	23	537 (1)	756 (1)
11	Terengganu	8	13	399 (1)	471
12	Kelantan	13	16	358 (1)	857 (3)
13	Sarawak	15	18	558	2,478 (11)
14	Sabah	6	12	262 (1)	1,233 (1)
15	WP Labuan	1	0	6	13
	MALAYSIA	448 (1)	414 (3)	10,887 (19)	25,301 (81)

Nota: () Kematian

Lampiran B

KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 27/2011
(3 Julai hingga 9 Julai 2011)

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 27/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 27/2010
		Minggu 27 (3 Julai – 9 Julai 2011)	Minggu 26 (26 Jun – 2 Julai 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	23
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	1
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	1	6
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	518
14	Sabah	0	0	10	151
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	0	17	716

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 27
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Apartment Enggang	19	59
2	SELANGOR	Gombak	Apartment Casmaria	15	67
3	SELANGOR	Klang	Taman Seri Sementa	13	38
4	SELANGOR	Gombak	Taman Bukit Rahman Putra	8	35
5	SELANGOR	Gombak	Apartment Sri Wira	11	33
6	SELANGOR	Gombak	Kg. Simpang Tiga	17	32
7	WPKL	Kepong	Menara Orkid	24	89
8	JOHOR	Johor Bahru	Taman Air Batu	19	33

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 27
BAGI TAHUN 2011
(3 Julai hingga 9 Julai 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	Gombak	Appt. Sri Wira	5.7	11
2	WPKL	Kepong	Menara Orkid	3.7	4
2	SELANGOR	Gombak	Tmn. Bukit Rahman Putra	3.6	7
3	SELANGOR	Gombak	Kg. Simpang Tiga	1.9	4